



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL *PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P)*

**1. Apakah itu *Professional Development Programme (Pro-P)*?**

*Professional Development Programme (Pro-P)* adalah program penajaan pelajaran berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke peringkat Profesional/Pakar di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam **dan luar** negara kepada graduan cemerlang dalam bidang yang memberi impak yang besar kepada keperluan guna tenaga negara.

**2. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Program Pro-P?**

Kursus dan syarat kelayakan Program Pro-P boleh dirujuk di dalam garis panduan permohonan semasa permohonan dibuka.

**3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Pro-P?**

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Portal MARA <http://www.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai **pengguna baharu** sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan. **Semua dokumen sokongan perlu dimuatnaik semasa permohonan dibuat.**

**4. Bilakah permohonan akan dibuka?**

Permohonan akan dibuka **bermula 16 April sehingga 03 Mei 2021.**

**5. Bolehkah saya memohon Program Pro-P sekiranya Ibu saya telah disenaraihitam MARA?**

Tidak boleh. **Selain ibu pemohon, bapa**, penjaga, penjamin dan pemohon **sendiri** perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program Pro-P.

**6. Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?**

Tiada permohonan secara manual dibenarkan.

**7. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbang untuk ditawarkan Program Pro-P.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFFESIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P)

**8. Adakah saya perlu menduduki ujian psikometrik atau proses temuduga selepas memohon?**  
Sebarang maklumat berkaitan ujian psikometrik atau proses temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui emel.

**9. Apakah bentuk tajaan yang akan saya terima sekiranya ditawarkan dalam Program Pro-P?**  
Tajaan pinjaman pelajaran **dalam negara** merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup serta Elaun Pengangkutan. Elaun Pengangkutan (pergi & balik) hanya akan dibayar kepada pelajar Semenanjung yang mendapat tawaran pengajian di Sabah/Sarawak atau pelajar Sabah/Sarawak yang mendapat tawaran pengajian di Semenanjung.  
Bagi pengajian **luar negara** tajaan pinjaman pelajaran merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup, Elaun Penempatan, Elaun Pengangkutan (pergi & balik), Visa dan Insurans.

**10. Adakah permohonan pengajian ini terbuka secara separuh masa?**  
Tidak. Permohonan pengajian ini terbuka secara **sempenuh masa** sahaja.

**11. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?**  
Pemohon terlebih dahulu mengisi dan melengkapkan permohonan secara atas talian (*online*). Pemohon disarankan mencetak slip pengesahan permohonan untuk tujuan rujukan. Penghantaran dokumen hanya perlu dibuat **sekiranya** pihak MARA meminta pemohon berbuat demikian.

**12. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?**  
Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di talian <https://myeduloan.mara.gov.my/v3/#/Login> dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

**13. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**  
Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila emelkan kepada [prop@mara.gov.my](mailto:prop@mara.gov.my)